<table>
<tr><td colspan="3">SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTIONS)<br>Peralihan kepada penyata akaun bulanan elektronik bagi Akaun Semasa Peribadi dan Perniagaan</td></tr>
<tr><th>NO.</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Apa itu Penyata Elektronik (e-Penyata)?</td><td>Penyata Elektronik (e-Penyata) ialah penyata eletronik yang selamat dan mesra alam sekitar bagi aktiviti akaun perbankan anda. Mulai dari 1 April 2025, penyata fizikal anda akan digantikan dengan penyata elektronik. .</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Bilakah tarikh akhir saya menerima penyata akaun secara fizikal dan mula menerima e-Penyata?</td><td>Mulai dari 1 April 2025, pelanggan akaun peribadi dan peniagaan akan menerima e-Penyata bagi menggantikan penyata bulanan fizikal untuk akaun. e-Penyata boleh diakses melalui perbankan dalam talian  atau melalui e-mel yang telah didaftarkan.<br><br>
<table>
<tr><th>Jenis Akaun</th><th>Platform Dalam Talian</th></tr>
<tr><td>Peribadi</td><td>Maybank2u</td></tr>
<tr><td>Perniagaan:<br>a) Syarikat milikan tunggal<br>b) Syarikat bukan milikan tunggal</td><td><br>Maybank2u<br>Maybank2u Biz atau Maybank2E</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Bilakah e-Penyata saya sedia untuk diakses?</td><td>e-Penyata anda akan tersedia untuk diakses secara dalam talian dan/atau dihantar kepada e-mel yang didaftarkan setiap minggu kedua setiap bulan.</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Perlukah saya mendaftarkan e-mel saya untuk menerima e-Penyata bulanan?</td><td>Mulai dari 1 April 2025, pelanggan akaun peribadi dan perniagaan akan menerima e-Penyata secara automatik. Sekiranya anda tidak menerima e-Penyata bagi akaun anda atau perlu mengemaskini e-mel anda, sila hubungi kami di 1 300 88 6688 atau lawati mana-mana cawangan Maybank/Maybank Islamic.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Saya masih memerlukan akaun penyata fizikal. Bagaimanakah caranya?</td><td>Anda boleh memohon penyata akaun fizikal daripada mana-mana cawangan Maybank/Maybank Islamic.<br>Sila ambil maklum yang kami akan mengenakan bayaran fi untuk perkhidmatan ini.<br><br>Untuk mencetak penyata akaun bagi tempoh 1 tahun daripada tarikh penyata asal:<br>▪ RM1 untuk setiap muka surat, dan<br>▪ Bayaran pentadbiran RM10 bagi setiap permintaan.<br><br>Untuk mencetak penyata akaun bagi tempoh melebihi 1 tahun dari tarikh penyata asal:<br>▪ RM1 untuk setiap muka surat, dan<br>▪ Bayaran pentadbiran RM20 bagi setiap permintaan.</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Jika saya menghadapi sebarang masalah berkaitan Perbankan dalam talian, siapa yang boleh saya hubungi?</td><td>Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:<br>• Talian Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688, atau<br>• Mana-mana cawangan Maybank/Maybank Islamic berdekatan anda.</td></tr>
<tr><td colspan="3">Akaun Peribadi</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Saya belum berdaftar untuk perbankan dalam talian Maybank2u. Bagaimanakah cara</td><td>Untuk mendapatkan akses e-Penyata bagi akaun peribadi anda, sila daftar di Maybank2u.<br><br>Untuk mendaftar:<br>1. Sila layari Maybank2u.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>untuk saya akses kepada e-Penyata saya?</td><td>2. Klik Register Now di bahagian kanan atas halaman utama Maybank2u.<br>3. Masukkan Nombor kad Debit/Kredit/Bayaran/Nombor Kad Prabayar/Nombor Akses, diikuti oleh PIN 6 digit anda untuk kad/PIN Perbankan Internet.<br>4. Setelah pendaftaran selesai, log masuk ke Maybank2u untuk mengakses e-Penyata anda.</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Bagaimana cara untuk mendapatkan e-Penyata melalui Maybank2u?</td><td>Maybank2u<br>1. Log masuk ke Maybank2u.<br>2. Klik Personal pada bahagian kanan laman web dan klik Login.<br>3. Klik pada papan pemuka Account.<br>4. Klik tiga titik di sebelah kanan sebaris Savings/Current Account, kemudian klik View Account Statement.</td></tr>
<tr><td colspan="3">Akaun Perniagaan - Perniagaan Milikan Tunggal</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>Saya belum berdaftar untuk perbankan dalam talian Maybank2u. Bagaimanakah cara untuk saya akses kepada e-Penyata saya?</td><td>Untuk mendapatkan akses e-Penyata bagi akaun Perniagaan Milikan Tunggal anda, sila daftar di Maybank2u.<br><br>Untuk mendaftar:<br>1. Sila layari Maybank2u.<br>2. Klik Register Now (di bahagian kanan atas halaman utama M2U).<br>3. Masukkan Nombor kad Debit/Kredit/Bayaran/Nombor Kad Prabayar/Nombor Akses, diikuti oleh PIN 6 digit anda untuk kad/PIN Perbankan Internet.<br>4. Setelah pendaftaran selesai, log masuk ke Maybank2u untuk mengakses e-Penyata anda.</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>Bagaimana cara untuk mendapatkan e-Penyata melalui Maybank2u?</td><td>Maybank2u<br>1. Log masuk ke Maybank2u.<br>2. Klik Personal pada bahagian kanan laman web dan klik Login.<br>3. Klik pada papan pemuka Account.<br>4. Klik tiga titik di sebelah kanan sebaris Savings/Current Account, kemudian klik View Account Statement.</td></tr>
<tr><td colspan="3">Akaun Perniagaan - Perniagaan Bukan Milikan Tunggal</td></tr>
<tr><td>11.</td><td>Saya belum berdaftar untuk perbankan dalam talian Maybank2u Biz/Maybank2E untuk perniagaan saya. Bagaimanakah cara untuk saya mendapatkan akses kepada e-Penyata perniagaan saya?</td><td>Untuk mendapatkan akses e-Penyata bagi akaun perniagaan anda, sila daftar untuk perkhidmatan Maybank2u Biz atau Maybank2E. Kedua-dua perkhidmatan perbankan disediakan berdasarkan keperluan perniagaan anda:<br><br>
<table>
<tr><td>Ciri-ciri</td><td>Maybank2u Biz</td><td>Maybank2E</td></tr>
<tr><td>Jumlah Pengguna Akaun</td><td>1 - 5</td><td>Lebih daripada 5</td></tr>
<tr><td>Jumlah Transaksi</td><td>Kurang daripada RM50,000 setiap transaksi</td><td>Lebih daripada RM50,000 setiap transaksi</td></tr>
</table>
<br><u>Maybank2u Biz</u><br><u>Pendaftaran:</u><br>1. Buat temujanji dengan cawangan pilihan anda melalui dalam talian di Maybank EzyQ.<br>2. Muat turun dan isikan borang pendaftaran Maybank2u Biz, bersama-sama dengan dokumen yang diperlukan:<br>a. Company's Board Resolution (for Private Limited Company/Sdn.Bhd)<br>b. Authorisation Letter (for Govt Educational Institution)<br>c. Mandate Letter (for Partnership and Professional)<br>d. Annual General Meeting (AGM) Minutes OR Committee Minutes of Meeting, signed by Chairman, Secretary and Treasurer (Club, Society and Association)</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | | Sila pastikan penama yang didaftar (iaitu Checker, Maker, dan Viewer) hadir, berserta dokumen yang lengkap termasuk salinan kad pengenalan bagi setiap individu. Anda boleh akses dan lihat e-Penyata setelah akaun Maybank2u Biz diaktifkan.<br><br>Maybank2E<br>1. Layari M2E Ezy Apply untuk berdaftar bersama perkhidmatan Maybank2E dan ikuti langkah-langkah mudah berikut:<br><br>a. Isikan semua maklumat pada borang dalam talian dan pilih solusi ***Cash Management*** yang bersesuaian.<br>b. Pilih dan daftarkan penama-penama dan tentukan akses pengguna (bagi pentadbir sistem (*System Admin*), prosesan data (*Data Entry)* dan pengesahan (*Authoriser)*)<br>c. Serahkan kesemua dokumen yang diperlukan secara dalam talian<br>i. Kad pengenalan untuk semua pengguna dalam talian<br>ii. Surat tawaran yang telah ditandatangani oleh penandatangan berwenang.<br>iii. Resolusi Lembaga dan<br>iv. Dokumen sokongan (jika perlu)<br><br>Permohonan anda akan diproses dalam masa 5 hingga 14 hari bekerja. Anda akan menerima status pendaftaran melalui e-mel. Sekiranya pendaftaran berjaya, penama-penama yang didaftar juga akan menerima ID pengguna dan kata laluan sementara untuk akses platform Maybank2E. |
| **12.** | **Setelah berdaftar, bagaimana cara saya boleh mengakses e-Penyata daripada Maybank2u Biz/Maybank2E?** | Maybank2u Biz<br>1. Log masuk ke Maybank2u Biz.<br>2. Layari papan pemuka ***Home***, dan klik ***e-Bills & Statement***<br>3. Klik papan pemuka ***Statement***.<br>4. Pilih ***Current Account*** daripada menu lungsur turun (*dropdown menu)* di papan pemuka ***Statement***.<br><br>Maybank2E<br>1. Log masuk ke Maybank2E<br>2. Layari papan pemuka ***Portfolio*** dan klik ***Account Statement***.<br>3. Pilih ***Bank Statement***.<br>4. Pilih dan klik tarikh dan nombor akaun daripada menu lungsur turun (*dropdown menu)* dan klik ***Search***.<br>5. Klik ***Download*** untuk akses e-Penyata.<br>6. Dapatkan e-Penyata melalui ***File Repository*** di halaman utama, di mana anda boleh lihat atau muat turun e-Penyata. |
| **13.** | **Jika saya menghadapi sebarang masalah berkaitan Perbankan dalam talian, siapa yang boleh saya hubungi?** | Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:<br>• Talian Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 80 8668, atau<br>• Mana-mana cawangan Maybank/Maybank Islamic berdekatan anda. |